

Mahathir gembira UPKO tidak

9 AUG 2003

KOTA KINABALU 8 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad gembira kerana Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) berjaya mengembangkan pengaruhnya kepada suku kaum lain di Sabah.

Perdana Menteri berkata, tidak ada percubaan UPKO untuk mengehancurkan keahlian parti itu kepada kaum Kadazan sahaja sebaliknya ia

memberi tempat kepada suku kaum lain seperti Dusun dan sebagainya.

Beliau yang yakin sokongan kepada pemimpin UPKO itu akan berterusan berharap supaya parti itu akan diwakili dalam Kabinet negara.

“Ini bermakna (UPKO) kena bagi kemenangan la, tak boleh harap jadi senator, cuma enam tahun sahaja. Kalau jadi wakil rakyat boleh lama sikit,” katanya sambil disambut de-

ngan tepukan gemuruh oleh para hadirin.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Kongres ke-9 UPKO di Pusat Kebudayaan Sabah, Penampang di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Musa Aman dan Presiden UPKO merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

hanya dianggotai Kadazan

Dr. Mahathir berkata, adalah perlu bagi masyarakat terus memberi sokongan kepada UPKO dan juga kerajaan BN kerana ia akan membawa manfaat kepada negara serta rakyat jelata.

Katanya, ini kerana kerajaan yang lemah tidak mungkin membawa pembangunan akibat terlalu menumpukan kepada politik untuk memastikan mereka terus kekal.

“Tetapi apabila kerajaan itu kuat, mendapat majoriti yang besar maka kerajaan itu dapat menumpu kepada pembangunan negara. Sebab itu kita harus mendukung konsep kerjasama BN,” jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, BN dengan 14 buah parti mampu bekerjasama dan yakin apabila berhadapan dengan pilihan raya nanti semua suku kaum daripada parti komponen akan

memberi sokongan kepada calon yang dipilih.

Katanya, apabila BN menang percayalah kerajaan akan dapat memajukan lagi negara dan rakyat akan mendapat lebih nikmat daripadanya.

“Inilah rahsia kejayaan BN di mana kesanggupan membuat sedikit pengorbanan untuk mendapat kebaikan yang lebih banyak. Kalau nak bolot semua untuk kita saya yakin kita akan rugi,” katanya.